



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	16/12/2019	MUKA SURAT	: 35
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Perhilitan pindah gajah jantan liar

TANAH MERAH - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kelantan berjaya memindahkan seekor gajah jantan liar berusia 30 tahun dari Kampung Air Kayam, Jedok semalam.

Pengarahnya Ady Ermanthy Hanif berkata, gajah itu dipindahkan selepas pihaknya melakukan tangkapan terhadap haiwan itu pada Rabu lepas apabila menerima aduan daripada penduduk kampung.

"Gajah jantan yang mempunyai saiz tapak kaki 18 inci yang dianggarkan berat 3.5 tan itu ditangkap di kawasan kebun getah di kampung terbabit dengan menggunakan

kaedah tembakan pelali.

"Sepanjang hampir seminggu gajah terbabit ditangkap, haiwan itu berada dalam keadaan sihat susulan pemantauan berterusan dilakukan oleh pihak kami," katanya kepada pemberita di lokasi pemindahan gajah terbabit di sini semalam.

Beliau berkata, pihaknya mengambil masa selama enam jam bagi melakukan operasi pemindahan gajah itu dengan dibantu oleh anggota Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah, Pahang.

"Kami menggunakan dua ekor gajah denak betina iaitu Rambai dan Abot yang datang

khas dari PKGK sebelum dibawa naik ke atas lori untuk dipindahkan ke Santuari Gajah Sungai Deka, Terengganu.

"Gajah liar itu adalah gajah berkonflik kelapan berjaya ditangkap di daerah Jeli dan yang pertama di daerah Tanah Merah tahun ini," katanya.

Beliau berkata, pihaknya mengucapkan terima kasih kepada penduduk kampung yang memberikan kerjasama sepanjang operasi itu.

"Masyarakat diharap tidak melakukan tindakan sendiri sekiranya terdapat haiwan liar atau kumpulan gajah yang melakukan konflik bagi mengelakkan sesuatu risiko berlaku," katanya. - *Bernama*